

# **SEJARAH SPM 2014**

## **KERTAS 3**

### **[1249/3]**

#### **BAB 7: TEMA UMUM**

SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA PADA TAHUN 1963, JENTERA PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA TELAH DIPERKEMAS BERASASKAN SISTEM PEMERINTAHAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

#### **TAJUK / SOALAN**

##### **Soalan 1 hingga 4**

1. Latar belakang demokrasi berparlimen
2. Maksud demokrasi berparlimen
3. Senaraikan ciri-ciri utama sistem pemerintahan demokrasi berparlimen
4. PERLEMBAGAAN

- Maksud perlembagaan
- Keluhuran Perlembagaan
- Kepentingan Perlembagaan
- Pindaan Perlembagaan

5. Raja Berperlembagaan

6. KUASA PEMERINTAHAN

- Badan Perundangan
- Badan Pelaksana
- Badan Kehakiman

7. Pilihanraya

8. Parti-Parti Politik .

9. Pengagihan Kuasa Kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri

#### **SOALAN BERBENTUK KBKK**

##### **Soalan 5:**

- Mengapakah Malaysia memilih sistem pemerintahan demokrasi berparlimen
- Keistimewaan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen
- Peranan warganegara Malaysia dalam menjayakan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen
- Usaha-usaha memantapkan lagi pengamalan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen

##### **Soalan 6**

- Buktikan Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen
- Sumbangan / kepentingan /kejayaan / manfaat pelaksanaan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen

##### **Soalan 7**

- Cabaran dalam pelaksanaan sistem demokrasi berparlimen di negara kita
- Langkah-langkah mengatasi cabaran tersebut

##### **Soalan 8**

Nilai-nilai murni dan iktibar dalam pelaksanaan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen

## Soalan 9

Kesimpulan keseluruhan isu yang dibincangkan:

- (a) Pengetahuan yang diperoleh
- (b) Iktibar kepada diri, bangsa dan negara
- (c) Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang

## PENGENALAN

### *Opsyen (a)*

#### **Latar belakang demokrasi berparlimen**

- Kelahiran negara demokrasi adalah daripada perjuangan berasaskan kedaulatan rakyat. Terdapat dua corak pemerintahan negara demokrasi, iaitu sistem Raja Berperlembagaan dan sistem Republik.
- Sistem Raja Berperlembagaan mengekalkan raja sebagai pemerintah tertinggi negara dan negeri. Pemerintahan dibantu oleh Perdana Menteri.
- Sistem Republik pula menolak institusi beraja. Kerajaan Republik diketuai oleh presiden yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.
- Malaysia telah memilih Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan selepas negara merdeka pada tahun 1957. Perlembagaan Malaysia menjadi garis panduan dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di negara kita.
- Dalam pemerintahan Demokrasi Berparlimen terdapat Perlembagaan, Raja Berperlembagaan, parlimen, pilihan raya, kuasa pemerintahan (badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman), parti-parti politik serta kebebasan asasi.

### *Opsyen (b)*

#### **Maksud demokrasi berparlimen**

- Demokrasi berparlimen bermaksud rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara manakala Raja-Raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat.
- Dalam sistem demokrasi berparlimen rakyat bebas memilih perwakilan melalui pilihan raya. Rakyat berhak menyokong, mengekalkan atau menukar kerajaan yang sedia ada melalui pilihan raya.
- Sistem ini berjaya mengekalkan kerajaan yang adil, sejahtera dan stabil. Perlembagaan Malaysia menjadi garis panduan dalam sistem pemerintahan demokrasi berpalimen di negara kita.

## SOALAN 1

Konsep Jentera Pentadbiran di Negara Kita.

Selepas 1963, Jentera Pentadbiran Malaysia diperkemaskan unsur penting dalam Jentera pentadbiran ialah kuasa pemerintahan. Terdapat konsep pengasingan kuasa dalam pentadbiran untuk mengelakkan pembolotan kuasa. Ini bertujuan dapat mewujudkan pentadbiran yang adil, cekap dan licik.

Antara badan pemerintahan tersebut ialah badan perundangan yang dikenali dengan nama parlimen. Parlimen bertanggungjawab menggubal undang-undang negara. Terdapat tiga unsur dalam parlimen iaitu Yang DiPertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Badan pelaksana pula merupakan kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri. Fungsinya ialah menggubal dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Badan kehakiman pula ialah mahkamah mempunyai kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil dan jenayah.

Mahkamah berkuasa mentafsir perlembagaan persekutuan dan perlembagaan negeri, juga mengistiharkan tindakan kerajaan tidak sah disisi undang-undang.

## **SOALAN-SOALAN NO 2,3 DAN 4 KEMUNGKINAN BERDASARKAN ASPEK-ASPEK BERIKUT:**

### **ASPEK 1**

#### **Nyatakan ciri-ciri utama sistem pemerintahan demokrasi berparlimen**

Ciri pertama ialah perlembagaan. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan. Perlembagaan menjadi panduan kepada kerajaan untuk mentadbir negara.

Ciri kedua ialah Raja Berperlembagaan. Raja Berperlembagaan bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukkan dalam Perlembagaan Malaysia. Yang DiPertuan Agong (YDPA) adalah ketua utama negara. Baginda bertindak mengikut Perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri

Ciri ketiga ialah Parlimen. Parlimen ialah badan perundangan yang menggubal undang-undang di negara kita. Parlimen terdiri daripada YDPA, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Ciri keempat ialah pilihan raya. Pilihan raya ialah proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada di peringkat persekutuan atau negeri. Terdapat pilihan raya umum dan kecil. Pilihan raya dikenadalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya(SPR).

Ciri kelima ialah kuasa pemeritahan yang terdiri daripada Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman. Pembahagian kuasa ini bertujuan untuk mengelak pembolotan kuasa.

Ciri keenam ialah parti-parti politik. Ideologi politik dan sikap perkauman menjadi asas pembentukan parti politik negara kita. Parti-parti politik ditubuhkan dengan matlamat untuk menyatukan dan menjaga kepentingan kaum masing-masing.

Ciri ketujuh ialah mengamalkan kebebasan asasi. Setiap warganegara mempunyai hak asasi dan kebebasan berpersatuan,beragama dan memiliki harta.Warganegara bebas memilih dan menganggotai mana-mana parti politik.

### **ASPEK 2**

#### **Perlembagaan**

##### **(i) Maksud Perlembagaan**

Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukkan sesebuah kerajaan. Perlembagaan juga adalah dokumen rasmi yang menjadi panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan kuasa dan mentadbir negara. Parti politik yang memerintah akan mengetahui pentadbiran negara dan menjamin kerajaan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat melalui peruntukan yang terkandung dalam perlembagaan.

Perlembagaan Malaysia diperkenalkan pada 16 September 1963 yang mengandungi 183 perkara. Perlembagaan ini mengandungi peruntukan seperti Senarai Kerajaan Persekutuan dan Senarai Kerajaan Negeri, Institusi Yang di-Pertuan Agong , Parlimen,Jemaah Menteri dan

Badan Kehakiman. Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan Perlembagaan Malaysia telah membuat pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.Negeri-negeri yang bergabung dalam persekutuan dalam persekutuan Malaysia diberikan hak,kuasa dan tanggungjawab seperti yang di peruntukkan dalam Perlembagaan Negeri. Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan Senarai Persekutuan,Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

### **(ii) Keluhuran Perlembagaan Malaysia**

Keluhuran Perlembagaan merupakan prinsip Rukun Negara yang ketiga.Keluhuran perlembagaan bermaksud keagungan dan ketertinggian undang-undang atau perlembagaan itu. Keluhuran Perlembagaan Malaysia mengatasai Yang di-Pertuan Agong(YDPA), Parlimen, Jemaah Menteri dan Mahkamah. Dengan itu semua jenis undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia adalah tidak sah.

Undang-undang negeri pula mestilah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.Perkara 75 menyatakan undang-undang negeri yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal dengan tersendirinya.Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa kepada mahkamah untuk membatalkan akta yang diluluskan di luar bidang kuasa Parlimen atau bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia. Mahkamah berkuasa menentukan kesahihan setiap undang-undang bagi menjamin keluhuran dan ketertinggian Perlembagaan Malaysia.

### **(iii) Kepentingan Perlembagaan dalam menjaga keharmonian negara**

Perlembagaan berperanan untuk menjamin kestabilan sesebuah negara dengan menentukan rangka dan bentuk pentadbirannya. Perlembagaan membantu menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan, ketelusan serta kelincinan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah kerajaan. Setiap pemimpin memerlukan panduan untuk memerintah supaya menepati kehendak perlembagaan dan aspirasi rakyat.

Perlembagaan Malaysia menjamin taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada negara. Rakyatnya memegang matlamat yang sama supaya semangat patriotisme dapat dibentuk. Perkara 24 Perlembagaan Malaysia menyatakan seseorang yang mempunyai kerakyatan negara lain akan dilucutkan kewarganegaraanya. Perkara 25 pula menyatakan bahawa seseorang warganegara boleh dilucutkan kerakyatannya jika terbukti tidak setia kepada negara ini. Tujuannya supaya rakyat dapat memberikan sepenuh ketaatan kepada tanah air untuk mengekalkan identiti negara dan bangsa Malaysia.

Perlembagaan Malaysia menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat di negara ini. Setiap warganegara mempunyai hak asasi dan kebebasan seperti berpersatuhan, beragama dan memiliki harta. Dengan ini rakyat mengetahui had kebebasan mereka disisi undang-undang.

Perlembagaan Malaysia dalam perkara 153 memperuntukkan peranan YDPA dalam menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah. Hak istimewa tersebut ialah pemberian jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, kemudahan pendidikan serta pemberian lesen perniagaan dan perdagangan.

Walaubagaimanapun, perlembagaan juga memastikan Perkara 153 tersebut dilaksanakan dengan berhati-hati supaya pelaksanaannya tidak mengabaikan kaum-kaum lain.

Perlembagaan Malaysia menjamin kerjasama, kesepakatan, keadilan dan kepentingan bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Perlembagaan menjadi rujukan utama dalam penggubalan undang-undang persekutuan dan negeri. Dengan cara ini sistem pemerintahan negara dapat diselaraskan tanpa sebarang perbalahan. Perlembagaan ini menjelaskan Perlembagaan Negeri pula tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia.

Perlembagaan Malaysia menjamin kedudukan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah tidak dipersoalkan. Ini adalah jaminan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia sebelum Sarawak dan Sabah menyertai persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Kerajaan Persekutuan menggunakan senarai kuasanya dalam bidang pendidikan dan kesihatan untuk membantu memusatkan pembangunan di negeri Sarawak dan Sabah. Kesannya berlaku pembangunan yang pesat dalam bidang pendidikan dan kesihatan serta perkhidmatan pos, telekom dan polis.

#### **(iv) Pindaan Perlembagaan**

##### **(a) Tujuan Pindaan Perlembagaan**

Pindaan Perlembagaan berlaku beberapa kali sejak tahun 1957 bertujuan untuk melindungi kepentingan rakyat, menjaga keselamatan negara dan melicinkan urusan pentadbiran negara. Perlembagaan perlu dipinda supaya sentiasa relevan dan sesuai dengan keperluan semasa. Pindaan ini juga menjadikan perlembagaan sebagai undang-undang yang munasabah dan kandungannya dipatuhi oleh rakyat dengan rela hati.

Perlembagaan juga telah dipinda bagi melarang perkara sensitif dipersoalkan secara terbuka. Antara perkara sensitif dalam perlembagaan yang tidak boleh dipersoalkan termasuk pemerintahan beraja, agama Islam, kedudukan Bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu.

Parlimen telah meluluskan pindaan Akta Hasutan 1970 yang mengehadkan seseorang individu bercakap sewenang-wenangnya sehingga menyentuh perkara yang sensitif yang boleh menimbulkan perbalahan antara kaum di negara ini. Tujuannya untuk memelihara keselamatan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat berbilang kaum. Antara pindaan besar yang telah dibuat termasuklah pemansuhan imuniti(kekebalan) bagi YDPA dan Raja yang memerintah negera daripada kesalahan jenayah.

##### **(b) Kaedah Pindaan Perlembagaan**

Terdapat empat kaedah dalam pindaan perlembagaan Malaysia. Kaedah pertama ialah dengan persetujuan majoriti lebih oleh suara dua pertiga Dewan Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-Raja. Antara perkara yang dipinda ialah tugas dan kuasa Majlis Raja-raja Melayu, kewarganegaraan, keutamaan YDPA, Raja-Raja Melayu dan Yang Dipertua Negeri. Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sarawak dan Sabah, perubahan sempadan negeri.

Kaedah kedua dengan persetujuan majoriti lebih suara dua pertiga Dewan Parlimen dan kelulusan Yang Dipertua Negeri Sarawak dan Sabah. Perkara yang dipinda ialah keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Sarawak dan Sabah, Hak dan kuasa Kerajaan Negeri tentang kuasa menahan kemasukan orang yang bukan dari Sarawak dan Sabah (Akta Imigeren 1961), Perkara perundangan dan pemerintahan kuasa negeri, agama, bahasa dan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah. Kaedah ketiga ialah dengan persetujuan lebih suara dua pertiga Dewan Parlimen. Perkara yang boleh dipinda ialah perkara-perkara yang tidak disebut dalam mana-mana kaedah pindaan.

Kaedah keempat dengan persetujuan lebih suara Dewan Parlimen. Antara perkara yang terkandung ialah pindaan Jadual 2,6 dan 7 .Bahagian III tentang kewarganegaraan, bentuk sumpah,pemilihan dan persaraan ahli Dewan Negara serta persempadanan pilihan raya.Pindaan Perkara 74 dan 76 dalam Perlembagaan. Dalam perkara 74, Parlimen boleh membuat atau meminda undang-undang mengenai perkara yang disebut dalam senarai Persekutuan dan Senarai Bersama.Hal yang sama juga boleh dilakukan oleh Dewan Undangan Negeri bagi perkara yang berhubung dengan Senarai Negeri atau Bersama yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Dalam Perkara 76,Parlimen boleh membuat undang-undang dalam Senarai Negeri.

### **ASPEK 3**

#### **Raja Berperlembagaan**

##### **(i) Maksud Raja Berperlembagaan**

Raja Berperlembagaan bermaksud sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.

Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan perlembagaan Malaysia dan Perdana Menteri. Baginda tidak boleh bertindak sendirian kecuali dalam perkara tertentu yang memerlukan budi bicara baginda untuk membuat keputusan.

Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan 9 orang Raja Melayu secara bergilir-gilir. Pemilihan baginda dibuat mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.

Jawatan ini diwujudkan sejak 1957

##### **(ii) Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia.**

Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebagai ketua negara. Baginda mengetuai Badan Perundangan, Badan Pemerintah dan Badan Kehakiman.

YDPA juga merupakan satu daripada tiga unsur Parlimen. Baginda mempunyai kuasa memanggil dan membubarkan Parlimen.

YDPA juga Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata yang boleh mengampunkan dan menangguhkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera. YDPA juga bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu. Baginda juga boleh menitahkan Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan kedudukan dan kemuliaan Raja-Raja Melayu.

YDPA juga adalah ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan.

Baginda juga ada kuasa untuk melantik Perdana Menteri, jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri. Baginda juga melantik Pengerusi dan 3 orang ahli Suruhanjaya Pilihanraya, Peguam Negara, Ketua Audit Negara dan mentaulahkan duta-duta negara kita.

Baginda juga boleh mengistiharkan undang-undang darurat jika keselamatan negara terancam.

## ASPEK 4

### Kuasa Pemerintahan

**Kuasa Pemerintahan** di Malaysia adalah berasaskan kepada sistem demokrasi berparlimen yang mengamalkan konsep pengasingan kuasa. Konsep pengasingan kuasa pemerintahan dibahagikan kepada 3 cabang iaitu badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman. Pengasingan kuasa ini perlu untuk mengelak sebarang pemusatan kuasa pada satu-satu pihak yang cenderung mengakibatkan salah laku dan pembolotan kuasa.

#### (i) Badan Perundangan

Ia diwakili oleh institusi Parlimen yang dipertanggungjawabkan oleh perlembagaan bagi menggubal undang-undang di Malaysia. Parlimen terdiri daripada Yang Dipertuan Agung, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

**Dewan Negara** atau Senat adalah dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara kita. Dewan Negara mengandungi 69 orang ahli. Ahli Dewan Negara digelar Senator dan dilantik tanpa melalui proses pilihanraya. Setiap negeri diperuntukkan kerusi Senator dan kuasa senator adalah untuk tempoh 3 tahun sahaja.

Seseorang calon bagi jawatan senator hendaklah berumur sekurang-kurangnya 30 tahun. Senator boleh dilantik menjadi anggota Jemaah Menteri atas budi bicara Perdana Menteri dan taraf mereka adalah sama dengan Ahli Parlimen.

Keanggotaan Dewan Negara dilantik oleh Yang Dipertuan Agong. Mereka yang dilantik ini biasanya merupakan individu yang telah banyak berjasa atau telah menyumbang kepada kecemerlangan satu-satu bidang tertentu seperti perniagaan, kebajikan dan sebagainya.

**Dewan Rakyat** pula adalah dewan terpenting di mana ahlinya dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya umum. Anggota Dewan Rakyat disebut sebagai Ahli Parlimen dan mempunyai mandat untuk tempoh 5 tahun. Terdapat 219 Ahli Parlimen

Tugas utama Dewan Rakyat adalah menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.

Undang-undang yang dibuat di Parlimen dikenali sebagai Akta, sementara pada peringkat Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia disebut Enakmen manakala di Sabah dan Sarawak, ianya dinamakan Ordinan.

### Proses Meluluskan Undang-undang di Parlimen

Proses tersebut akan melalui beberapa peringkat sebelum ianya diwartakan menjadi undang-undang.

Kementerian akan mengemukakan **cadangan** undang-undang dan ianya kemudian melalui proses penggubalan rang undang-undang oleh Jabatan Peguam Negara.

**Pembacaan Pertama** di Dewan Rakyat yang dikenali sebagai pembacaan tajuk rang undang-undang. **Pembacaan Kedua** di Dewan Rakyat dan kali ini ianya dibahaskan.

Langkah seterusnya melibatkan **Perbincangan** secara terperinci pada peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat.

Rang Undang-undang ini kemudiannya disusuli dengan **Pembacaan Ketiga** di Dewan Rakyat. Ianya dibahaskan bagi kali kedua dan kemudiannya dikemukakan kepada Dewan Negara sebelum menjalani proses kelulusan. **Pembentangan** rang undang-undang di Dewan Negara akan melalui proses yang sama diulangi seperti di Dewan Rakyat.

Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negara kemudiannya melalui **Penyerahan** kepada DYMM Yang Dipertuan Agong untuk diperkenankan dan diturunkan cop Mohor Negara.

Akhirnya rang undang-undang tersebut melalui proses **Pewartaan** atau pemberitahuan undang-undang dalam Warta Kerajaan.

### **(ii) Badan Pelaksana**

Ini diwakili oleh Jemaah Menteri atau Kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri. Kabinet merupakan pembuat dasar tertinggi dalam semua perkara di Malaysia.

Kabinet terdiri daripada beberapa buah kementerian yang diketuai oleh Menteri dan Timbalan Menteri, termasuklah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang mempunyai portfolio masing-masing. Seseorang Menteri yang tidak diberikan tugas dalam kementerian tertentu dikenali sebagai Menteri Tak Berportfolio dan beliau diberikan tugas-tugas tertentu oleh Perdana Menteri.

Setiap kementerian bertanggungjawab menggubal dasar-dasar kerajaan, merancang serta menyelaras program pembangunan dalam bidang sosial dan ekonomi negara kita. Terdapat 26 buah kementerian.

Di bawah Badan Pelaksana wujud satu jentera pentadbiran yang menjadi teras kepada kuasa pemerintahan. Ianya dinamakan perkhidmatan awam atau birokrasi kerajaan. Perkhidmatan Awam di Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara. Beliau bertanggungjawab mengawasi perjalanan kementerian dan jabatan kerajaan.

Pada peringkat kementerian, pentadbirannya diketuai oleh Ketua Setiausaha kementerian. Beliau dibantu oleh kakitangan kerajaan yang dikenali sebagai pegawai perkhidmatan awam dan kesemua mereka bertanggungjawab melaksanakan dasar dan tugas yang diamanahkan oleh kerajaan.

Sesebuah kementerian biasanya mempunyai jabatan pada peringkat pusat, negeri dan daerah. Setiap jabatan lazimnya diketuai oleh seorang Ketua Jabatan yang dikenali sebagai Ketua Pengarah.

Selain daripada kementerian dan jabatan, badan pelaksana juga mempunyai badan berkanun. Badan berkanun ialah badan separuh kerajaan yang mempunyai kuasa autonomi tertentu. Badan berkanun akan mempunyai peruntukan kewangan yang tersendiri.

Badan berkanun ini ditadbir oleh sesebuah Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab kepada Menteri yang berkenaan. Badan berkanun mempunyai pelbagai tugas dan tanggungjawab masing-masing. Badan-badan ini berperanan mempercepat dan menyumbang kepada urusan pentadbiran dan program pembangunan kerajaan yang biasanya digariskan di bawah setiap rancangan lima tahun.

Suruhanjaya ditubuhkan untuk mengendalikan urusan perlantikan, kenaikan pangkat dan pemantauan disiplin kakitangan perkhidmatan awam. Di antara suruhanjaya tersebut ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman, Suruhanjaya Pasukan Polis dan Majlis Angkatan Tentera.

## **(ii)Badan Kehakiman**

Ia diwakili oleh institusi mahkamah. Mahkamah diketuai oleh penjawat awam yang dinamakan hakim. Semua hakim dilantik oleh Yang Dipertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Badan kehakiman mempunyai kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil dan jenayah. Perkara sivil berkaitan dengan saman biasanya memerlukan afidavit. Perkara jenayah pula melibatkan kanun keseksaan.

Badan Kehakiman boleh menentukan kesahihan undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan dan pihak badan pelaksana. Badan Kehakiman juga berkuasa mentafsir Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri.

Sistem mahkamah telah diwujudkan oleh Perlembagaan Malaysia untuk melaksanakan urusan dan tugas kehakiman di negara ini.

Mahkamah mempunyai kuasa mentafsirkan undang-undang termasuk perlembagaan negara, mengisyiharkan undang-undang bertulis Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan mempunyai kuasa mengisyiharkan sama ada sesuatu tindakan kerajaan itu sah atau tidak sah disisi undang-undang.

Mahkamah tidak boleh meminda undang-undang kerana perkara itu di bawah bidang kuasa badan perundangan atau Parlimen.

Sistem Mahkamah di Malaysia mempunyai tahap-tahap mengikut susunan hierarki di mana keskes yang dikendalikan dan diputuskan di satu-satu peringkat mahkamah boleh dirujuk atau dirayu di peringkat mahkamah yang lebih tinggi lagi.

Mengikut susunan hierarki badan perundangan, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen merupakan Mahkamah Rendah manakala Mahkamah Atasan terdiri daripada Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah diikuti dengan Mahkamah Rayuan dengan Mahkamah Persekutuan menduduki tempat yang tertinggi sekali dalam hierarki tersebut.

Dalam soal urusan perlantikan, kenaikan pangkat dan pelucutan jawatan di kalangan hakim-hakim di negara ini adalah terletak di bawah bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Seseorang hakim tidak boleh dipecat dengan sewenang-wenangnya tanpa sebarang sebab yang munasabah.

Dari segi prinsipnya, hakim tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam politik. Ini untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan undang-undang tidak dikompromi oleh pengaruh politik serta menjamin integriti sistem kehakiman dan perundangan itu sendiri.

Peguam Negara ialah penasihat undang-undang kerajaan dan juga menjadi Pendakwa Raya atau Peguam Bela bagi pihak kerajaan. Beliau dibantu oleh pegawai dan kakitangan di bawah Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman.

## **ASPEK 5**

### **Pilihan Raya**

Pilihan raya ialah proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada peringkat negeri atau persekutuan

#### **(i) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)**

SPR akan menjalankan pilihan raya di negara kita. Keanggotaannya dilantik oleh YDPA selepas berunding Majlis Raja-Raja Melayu.

SPR ditubuhkan untuk menjamin pilihan raya yang adil dan bebas tanpa tekanan parti pemerintah atau pembangkang. Tiga fungsi utama SPR adalah menentukan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya. SPR juga menjalankan pendaftaran pemilih dan mengendalikan sama ada pilihan raya kecil atau pilihan raya umum.

#### **(ii) Calon**

Seseorang yang ingin menjadi calon dalam pilihan raya mesti warganegara Malaysia, berumur 21 tahun, bermastautin di Malaysia, sempurna akal, bukan orang yang muflis, tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam dan tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah.

Calon-calon dalam sesuatu pilihan raya boleh bertanding atas nama parti atau nama individu sebagai calon bebas. Mereka harus mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon.

#### **(iii) Pengundi**

Seseorang pengundi boleh mengundi jika namanya didaftarkan dalam Senarai Daftar Pemilih. Menurut perkara 119 Perlembagaan Malaysia, seseorang warganegara yang berumur 21 tahun, bermastautin atau tidak bermastautin, tinggal di mana-mana kawasan pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri boleh mengundi.

#### **(iv) Proses pilihan raya di negara kita**

Penetapan tarikh penamaan calon dan pengundian oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Penamaan calon akan dijalankan.

Parti-parti yang bertanding akan menyediakan manifestonya. Pelancaran kempen pilihan raya akan dijalankan.

SPR akan mengumumkan tempat pengundian dan tempat pengiraan undi. Pemberian kertas undi yang mengandungi lambang parti calon kepada pengundi di tempat pengundi.

Seterusnya pengundi akan memangkah calon pilihan raya pada kertas undi dan memasukkan kertas tersebut ke dalam peti undi.

Seterusnya pengiraan undi akan dijalankan dan pengumuman keputusan pilihan raya oleh pegawai pilihan raya.

## **ASPEK 6**

### **Parti-Parti Politik**

#### **(i) Parti politik di Tanah Melayu**

Malayan Democratic Union (MDU) ditubuhkan oleh golongan profesional Cina pada bulan Disember 1945. Parti ini menentang Malayan Union yang dianggap tidak demokratik.

Penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946 untuk menyatukan orang Melayu menentang Malayan Union. Bertujuan menjaga kepentingan orang Melayu serta mencapai kemerdekaan. UMNO kemudian bekerjasama dengan MCA dan MIC menukuhan Parti Perikatan.

Penubuhan MIC pada Ogos 1946 oleh John Thivy untuk menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu.

Penubuhan AMCJA pada bulan September 1946 oleh persatuan bukan Melayu. Pengurusnya ialah Tan Cheng Lock. Pertubuhan ini menentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan ingin menyatukan Tanah Melayu dengan Singapura.

Penubuhan Hizbul Muslimin pula ingin menukuhan kerajaan Islam di Tanah Melayu yang merdeka. Ianya diasaskan oleh Haji Abu Bakar al-Baqir. Perjuangan parti ini kemudian disambung oleh PAS.

Penubuhan MCA pada tahun 1949 oleh Tan Cheng Lock untuk menjaga kepentingan politik kaum Cina di Tanah Melayu. Parti ini juga menentang keganasan komunis di Tanah Melayu.

Penubuhan IMP oleh Dato Onn Jaafar pada bulan September 1951 menuntut pilihan raya diadakan pada tahun 1955 dan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1961.

Penubuhan PAS pula pada November 1951, ingin menukuhan sebuah negara Islam dan Islam agama rasmi negara.

Parti Negara pula ditubuhkan oleh Dato Onn Jaafar pada bulan Februari 1954 ingin mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dalam tempoh 5 tahun serta memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

#### **(ii) Parti politik di Sarawak**

PKMS ditubuhkan oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah untuk memupuk kesetiaan dan perpaduan di kalangan semua kaum.

SUPP pula ditubuhkan oleh Ong Kee Hui dan Stephen Yong untuk menyatukan kaum-kaum di Sarawak serta melahirkan perasaan taat setia juga untuk mendapatkan kemerdekaan Sarawak.

SNAP pula ditubuhkan oleh Stephen Kalong Ningkan untuk mendapatkan kemerdekaan Sarawak.

BERJASA pula ditubuhkan untuk membantu orang Dayak mencapai perpaduan serta meningkatkan taraf hidup rakyat di Sarawak.

PESAKA pula ditubuhkan oleh Temenggung Jugah Anak Barieng bertujuan untuk menjaga hak dan kepentingan orang Dayak di Sarawak.

PANAS pula ditubuhkan oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha untuk melindungi kaum bumiputera.

## **(ii) Parti politik di Sabah**

UNKO yang diasaskan oleh Donald Stephens untuk menyatukan hubungan antara Kadazan Dusun.

USNO pula ditubuhkan oleh Tun Datu Mustapha pada Disember 1961 untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan memperjuangkan Islam sebagai agama rasmi. Juga menukar nama Borneo Utara kepada Sabah

Parti Pasok Momugun ditubuhkan pada 1962 oleh G.S Sundang bertujuan untuk melindungi hak kaum bumiputera di pedalaman.

Sabah Chinese Association(SCA) pula yang diasaskan oleh Khoo Siak Chiew dan Peter Chin untuk memelihara kepentingan masyarakat Cina di Sabah.

## **ASPEK 7**

### **Pengagihan Kuasa Antara Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri**

Persekutuan ialah penyatuan beberapa buah negeri. Persekutuan mempunyai sebuah Kerajaan Persekutuan serta beberapa buah Kerajaan Negeri. Kerajaan-kerajaan tersebut menjalankan tugas mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.

Kerajaan Persekutuan ialah kerajaan yang mempunyai kuasa dalam hal pentadbiran negara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Malaysia. Badan Pelaksana bagi Kerajaan Persekutuan terletak pada Yang DiPertuan Agong(YDPA). Jemaah Menteri menjalankan kuasa eksekutif yang dipegang oleh YDPA. Jemaah Menteri diketuai oleh Perdana Menteri.

Kerajaan Negeri ialah kerajaan yang mempunyai kuasa dalam hal pentadbiran negeri mengikut Perlembagaan Negeri. Badan Pelaksana Negeri terletak pada Sultan atau Yang DiPertua Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan menjalankan pentadbiran bagi pihak Sultan atau Yang DiPertua Negeri. Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Bidang kuasa Kerajaan Persekutun mengikut Senarai Persekutuan dalam Perlembagaan Malaysia ialah hal ehwal luar negeri, pertahanan, keselamatan dalam negeri, kerakyatan negara, kewangan, pelajaran dan kesihatan.

Bidang kuasa Kerajaan Negeri pula mengikut Senarai Negeri dalam Perlembagaan Malaysia ialah undang-undang Islam, tanah, pertanian dan perhutanan, kerajaan tempatan, kerajaan negeri, hari cuti negeri dan undang-undang negeri.

Bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri megikut Senarai Bersama dalam Perlembagaan Malaysia ialah kebijakan social,biasiswa, taman negara, perancangan bandar dan wilayah, penjagaan haiwan, kesihatan dan kebersihan awam.

Pembahagian kuasa bertujuan memelihara hubungan baik antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Sifat ini dapat membentuk kerajaan Persekutuan yang stabil dan membantu mengurangkan perbalahan antara etnik.

## **ASPEK 8**

### **Kebebasan Asasi**

Merupakan ciri utama dalam demokrasi berparlimen contoh kebebasan asasi adalah seperti menjamin kebebasan bersuara, walaubagaimanapun parlimen telah meluluskan Akta Hasutan 1970 yang menghadkan seseorang individu bercakap sewenang-wenangnya sehingga menyentuh perkara yang sensitif yang boleh menimbulkan perbalahan antara kaum.

Rakyat juga ada kebebasan memiliki harta, berpersatuhan dan beragama. Dengan ini rakyat boleh mengetahui had kebebasan mereka disisi undang-undang. Rakyat juga ada kebebasan menganggotai mana-mana parti politik.

Rakyat juga bebas memilih pemimpin negara / kerajaan melalui pilihan raya mengikut perkara 153, hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputra di Sarawak dan Sabah dapat dijamin dan dipelihara. Contoh keistimewaan ialah pemberian jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, pemberian lesen perniagaan serta kemudahan pendidikan.

Seseorang yang tidak berpuas hati keputusan perjalanan mahkamah juga boleh membuat rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi.

## **SOALAN-SOALAN KBKK**

### **Soalan 5**

#### **Opsyen(a)**

##### **Mengapakah Malaysia memilih sistem pemerintahan demokrasi berparlimen**

- Warisan dari sistem pemerintahan British
